

16 JULAI 2018

Penganggur diberkas bersama dadah

Penganggur diberkas bersama dadah

KUALA PILAH - Seorang penganggur diberkas polis bersama dadah jenis heroin dan syabu bernilai RM4,000 di Jalan Loji Air, Batu 12, Kampung Kepis, Dangi, jam 3.10 pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Pilah, Superintenden Haslah Bachok berkata, suspek seorang lelaki Melayu berusia 43 tahun itu, ditahan sepasukan polis Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Pilah.

"Sebelum kejadian, tiga anggota polis terbabit dari MPV IPD Kuala Pilah sedang melaksanakan sekatan jalan di Kampung Malan, Dangi.

"Anggota bertugas ternampak sebuah motosikal ditunggangi lelaki dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota itu cuba menahan motosikal tersebut tetapi penunggangnya terus memecut ke arah jalan Batu 10 Dangi," katanya.

Menurut Haslah, polis bertindak mengejar suspek kira-kira 5km sebelum berjaya ditahan di Jalan Loji Air Batu 10, Kampung Kepis, Johol.



Motosikal jenis Honda EX5 yang digunakan suspek.



Empat paket plastik dipercayai dadah jenis yang dirampas dari suspek.

"Polis menggeledah bakul motosikalnya, ditemukan sebuah beg kecil berwarna merah jambu.

"Ada tiga paket plastik mengandungi ketulan kristal disyaki heroin seberat 93.32 gram dan satu

paket serbuk ketulan kristal disyaki syabu (13.62 gram)," katanya.

Suspek direman tujuh hari dan kes disiasat Seksyen 39B, Seksyen 39A(1) dan Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

